

SENARAI PENYUMBANG *LIST OF CONTRIBUTORS*

A. Rahman Hj. Mohamed ialah Profesor Madya dalam Reka Bentuk Grafik di Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) (USM), Sarjana Sains (Reka Bentuk Komunikasi) (Pratt Institute, USA) dan Sarjana Seni Halus (Reka Bentuk Grafik) (Universiti Wisconsin, USA). Sebagai artis pembuat cetak, beliau bekerja terutamanya dalam kolagrafi punaran, dan ukiran kayu dan mengambil bahagian dalam pelbagai pameran seni di Malaysia, Thailand, Singapura, Bangladesh, Korea, Turki, Perancis, Jerman, Itali, Poland, Portugal, Kanada dan Amerika Syarikat. Selain seni cetak, beliau juga menghasilkan karya-karya seni digital dan multimedia interaktif. Email: manhaji2@yahoo.com.

Aishah Mohd Kassim ialah Pensyarah dan Konvenor Program Bahasa Melayu di Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Nasional Singapura (NUS). Mengajar Bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda dan bahasa asing di NUS. Beliau giat dalam penyelidikan pedagogi dan penguasaan bahasa, sosiolinguistik dan pendidikan. Beliau memiliki ijazah Sarjana Muda dari NUS, Diploma Pendidikan dari Insititut Pendidikan, Singapura, dan Sarjana Pendidikan (Pembangunan Kurikulum) dari Universiti Glasgow. Beliau telah dianugerahkan ijazah Doktor Falsafah (2010) oleh Universiti Australia Barat selepas tamat penyelidikan tentang pengajaran bahasa ibunda di Singapura. Emel: clsamk@nus.edu.sg.

Azhar Ibrahim ialah Felo Pelawat di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura. Beliau meraih ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana dari universiti yang sama dalam pengkhususan sastera Melayu klasik, pemikiran Islam Nusantara, wacana sastera dan inteligensia Melayu. Pernah berkhidmat sebagai Pensyarah di Institut Pendidikan Nasional, Singapura. Tumpuan kajian beliau adalah sosiologi sastera, teologi sosial, wacana kebudayaan, peradaban dan pemikiran Islam, serta minat dalam hal-hal literasi kritis dan pembangunan intelektual Melayu. Beliau telah selesai menamatkan kajian pasca-doktoral di Fakulti Teologi, Universiti Kopenhagen, Denmark, dan di Universiti Stanford, Amerika Syarikat, pada 2011. Email: mhsai@nus.edu.sg.

Marlyna Maros ialah seorang Profesor Madya di Program Pengajian Bahasa Inggeris, Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga merupakan Timbalan Pengarah Hal-hwal Pelajar dan Antarabangsa, Pusat Pengurusan Siswazah, UKM. Beliau aktif dalam penyelidikan serta penulisan dalam bidang sosiopragmatik, sosiolinguistik, dan linguistik dalam pendidikan. Yang terbaharu adalah penyelidikan beliau dalam

lakukan bahasa sapaan, permintaan, dan permintaan maaf dari aspek kecekapan komunikasi dan kesantunan. Emel: mmarlyna@gmail.com.

Mazlan bin Hj. A. Karim ialah Pensyarah di Jabatan Kajian Sosial (Unit Pendidikan Seni) Institut Pendidikan Guru, Kampus Dato' Razali Ismail, Kuala Terengganu, Terengganu. Beliau mengajar mata pelajaran Pendidikan Seni Visual untuk Program Persediaan (PPISMP) dan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan sejak 2005. Beliau juga tutor di Fakulti Pendidikan dan Bahasa, Universiti Terbuka Malaysia, PPT Kuala Terengganu. Beliau sedang mengikuti pengajian PhD dalam bidang seni cetak di bawah tajaan biasiswa Kementerian Pelajaran Malaysia. Emel: mazlankarim72@yahoo.com.

Mohd Shahrizal Bin Nasir merupakan Felo Akademik di Jabatan Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Darul Iman Malaysia. Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda (Bahasa Dan Kesusasteraan Arab) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Sekarang sedang melanjutkan pelajaran peringkat ijazah Sarjana (Pengajian Kesusasteraan Arab) juga di universiti yang sama. Emel: shahrizal_nasir@yahoo.com.my.

Rahmah Ahmad H. Osman merupakan Profesor Madya di Jabatan Bahasa Arab dan Kesusasteraan, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau mendapat ijazah Sarjana Muda (Bahasa Arab dan Pengajian Islam) dari Universiti Al-Azhar, Mesir, ijazah Sarjana (Bahasa dan Kesusasteraan Arab) dari Universiti Jordan, seterusnya ijazah Doktor Falsafah (Kesusasteraan Bandingan-Arab dan Melayu) dari SOAS, Universiti London. Emel: rahmahao@yahoo.com.

Razif Bahari ialah Felo Adjung Penyelidikan di Institut Asia Monash, Melbourne, dan pernah mengajar sastera Indonesia dan Melayu moden di Institut Pendidikan Nasional, Singapura. Beliau penulis buku *Pramoedya Postcolonially* (2007), dan esei-esei beliau telah diterbitkan di pelbagai jurnal termasuklah *RIMA*, *SPAN*, *Contemporary Literary Criticism*, dan terbitan Universiti Cornell, *Indonesia*. Kini, beliau sedang mengusahakan penterjemahan buku *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik* tulisan Liaw Yock Fang. Email: razif_bahari@hotmail.com.

Sukardi Gau menyelesaikan studi Program PhD Linguistik di Universiti Kebangsaan Malaysia (2011). Saat ini bertugas sebagai Peneliti di Kantor Bahasa Provinsi Gorontalo, Kementerian Pendidikan dan Kebudayaan, Indonesia. Sebelumnya beliau pernah bertugas di Balai Bahasa Jayapura (2001-2009) dan banyak meneliti dan menulis tentang bahasa-bahasa di Papua. Bidang pengkhususan beliau adalah sosiolinguistik dan kajian diaspora Bugis di Nusantara. Emel: sukardigau@yahoo.com.

Susi Fitri sehari-hari bekerja sebagai dosen di Jurusan Bimbingan dan Konseling, Universitas Negeri Jakarta, Indonesia, dengan bidang keahlian Metodologi Bimbingan, Konseling Kelompok, dan Psikologi/Konseling Lintas Budaya. Saat ini sedang mengikuti program doktor di bidang konseling di Universitas Negeri Malang, Jawa

Timur. Memiliki minat pada bidang pendidikan, khususnya pendidikan konseling, kurikulum, metode pembelajaran, pedagogi kritis, kajian feminis, dan *cultural studies*.
Emel: susi.fitri@ruanglain.org.